

**Ucapan Perasmian**  
**YB Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin**  
**Timbalan Menteri Kerja Raya**

**Sempena Seminar *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) Negeri  
Kelantan**

**9 Mei 2017**  
**Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan**

---

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku.

2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya pada hari ini, dapat kita bersama-sama berkumpul sempena Seminar *Construction Industry Transformation Programme* atau secara ringkasnya CITP untuk penggiat industri pembinaan di negeri Kelantan.

3. Saya amat berbesar hati dengan penyertaan dan penglibatan aktif kesemua penggiat industri pada hari ini untuk bersama-sama merealisasikan transformasi sektor pembinaan negara seperti yang ditegaskan di bawah pelan CITP.

4. Seminar pada hari ini merupakan salah satu daripada “*nationwide road show*” yang dianjurkan oleh CIDB bagi memastikan aspirasi CITP ini dapat difahami oleh setiap penggiat industri pembinaan termasuklah di negeri Kelantan. Negeri Kelantan yang merupakan pintu masuk utama ke Malaysia di pantai timur mempunyai banyak potensi ekonomi untuk terus berkembang dengan pesat. Perkembangan ekonomi yang pesat ini dilihat akan memberi impak yang signifikan kepada pembangunan industri pembinaan di negeri ini. Oleh itu, Kementerian Kerja Raya berharap supaya seminar ini akan menjadi “*engagement platform*” untuk penggiat industri pembinaan khususnya di Kelantan berinteraksi bagi memastikan CITP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Para hadirin sekalian,

### **Sektor Pembinaan Sebagai Peneraju Pertumbuhan Negara**

5. Sebagaimana kita sedia maklum, industri pembinaan merupakan salah satu pemangkin atau *catalyst* utama dalam transformasi ekonomi Malaysia melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) yang turut merancakkan kadar pembangunan sektor ekonomi yang lain. Justeru itu, industri pembinaan yang cekap, berkualiti dan yang berkapabiliti tinggi adalah amat penting untuk sesebuah negeri itu dalam membangunkan ekonomi yang mampu menarik pelaburan untuk mencapai tahap sosio-

ekonomi yang optimum.

6. Sekiranya kita melihat kadar pertumbuhan industri pembinaan di Malaysia, sektor ini telah melepasi prestasi kesemua sektor ekonomi yang lain sepanjang pelaksanaan RMKe-10 dengan kadar pertumbuhan purata 11.1 peratus. Malah di pertengahan RMKe-10 iaitu pada tahun 2012, kemuncak pertumbuhan industri pembinaan berjaya mencapai 18.1 peratus dan telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan dua digit iaitu 10.8 peratus pada 2013 dan 11.7 peratus pada 2014. Pada tahun 2015, iaitu tahun terakhir RMKe-10, industri pembinaan telah berjaya mencapai pertumbuhan sebanyak 8.2 peratus.

7. Negara Malaysia telah berdepan dengan persekitaran global yang mencabar pada tahun 2016, namun industri pembinaan terus menjadi pendorong utama kepada perkembangan domestik pada kadar pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus. Kadar pertumbuhan ini amat menggalakkan sekiranya dibandingkan dengan pertumbuhan KDNK negara iaitu sebanyak 4.2 peratus. Malah jika kita lihat dari sudut nilai projek pembinaan pula, 7,455 projek yang bernilai RM140 bilion pada tahun 2015 telah bertambah kepada RM166.4 bilion pada tahun 2016 walaupun dengan bilangan projek yang kurang iaitu sebanyak 6,305 projek. Daripada jumlah keseluruhan projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2016, sebanyak 29.1 peratus atau RM48.5 bilion adalah daripada sektor awam, manakala 70.9 peratus atau RM117.9 bilion adalah projek swasta.

Para hadirin sekalian,

### **Senario Industri Pembinaan Negeri Kelantan**

8. Seiring dengan pembangunan negara yang pesat, negeri Kelantan khususnya bakal menikmati pertumbuhan ekonomi secara lebih rancak. Ini adalah berikutan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur berimpak tinggi, atau InfraRakyat, yang akan membawa limpahan manfaat sosio-ekonomi kepada rakyat dan pelabur di negeri ini. Projek-projek ini termasuk pembangunan Pelabuhan Tok Bali, Jambatan Pengkalan Kubor Tak-Bai Narathiwat dan Projek Laluan Rel Pantai Timur.

9. Projek-projek tersebut merupakan tambahan kepada peruntukan Kerajaan sebanyak RM9 bilion di bawah RMKe-11 untuk memacu pembangunan yang lebih mampan di Kelantan. Peruntukan yang diberikan akan digunakan untuk pembangunan infrastruktur penting serta projek-projek pengukuhan lain seperti Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, Projek Lebuhraya *Central Spine Road* dari Kuala Krai ke Mentara, Gua Musang,

Penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dan Projek tebatan banjir bagi Sungai Kelantan serta Sungai Golok.

10. Malah, statistik CIDB menunjukkan bilangan serta nilai projek pembinaan di Kelantan juga berada pada tahap yang amat baik. Pada tahun 2016, sejumlah 114 projek pembinaan bernilai RM1.5 bilion telah dan sedang dilaksanakan di Kelantan. Daripada jumlah tersebut, 27.1 peratus merupakan projek infrastruktur, 26.9 peratus adalah projek perumahan, 9.3 peratus adalah projek kemudahan sosial, manakala 57.6 peratus lagi adalah projek-projek bangunan bukan perumahan iaitu bangunan komersial, industri dan kilang.

Para hadirin sekalian,

### **Kepentingan CITP untuk Industri Pembinaan**

11. Jelas sekali, industri pembinaan kekal memainkan peranan yang penting sebagai tonggak utama dalam transformasi landskap negeri Kelantan dan negara. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua penggiat industri pembinaan untuk menekankan peningkatan prestasi secara berterusan agar menjadi industri yang lebih moden, produktif dan mampan, seiring dengan perkembangan teknologi dan ilmu baru, serta mampu meningkatkan keupayaan industri pembinaan tempatan untuk bersaing di peringkat global.

12. Ke arah ini, CITP dijangka akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

13. Antara pencapaian yang disasarkan melalui CITP adalah peningkatan produktiviti sebanyak dua setengah kali ganda, yang bersamaan dengan nilai USD16,500 bagi setiap pekerja. Ini memerlukan pelaburan yang berterusan dalam pembangunan modal insan, meningkatkan kawalan dan keseimbangan bekalan tenaga kerja mahir, menggiatkan penggunaan kaedah pembinaan yang moden seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM). Peningkatan produktiviti yang didorong oleh tahap kemahiran pekerja yang lebih tinggi dalam industri pembinaan ini diharap akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekerja-pekerja mahir tempatan.

14. Secara keseluruhannya, pelaksanaan CITP dalam tahun pertamanya telah berjaya mencapai sasaran-sasaran utama yang ditetapkan. Untuk tahun 2016 kemajuan pencapaian CITP pada keseluruhannya telah menunjukkan prestasi yang memberansangkan dengan peratus pencapaian sebanyak 88% daripada sasaran tahun 2016. Terkini, CITP telah berjaya mencapai 92.5% daripada sasaran suku pertama 2017.

Para hadirin sekalian,

15. Kejayaan pelaksanaan CITP ini adalah bergantung kepada kerjasama dan komitmen semua pihak, termasuk agensi kerajaan dan sektor swasta. Ini selaras dengan *tagline* CITP iaitu “*Driving Construction Excellence Together*” atau pun “Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan”. Dengan itu, sokongan padu dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan sekalian adalah amat kami hargai kerana tiada kejayaan yang akan dapat dikecapi jika kita bekerja secara bersendirian.

16. Kita bersedia menerima pandangan dan mengenai cara dan kaedah terbaik bagi memastikan kejayaan di dalam CITP ini dapat tercapai pada tahun 2020.

17. Sebelum saya mengundur diri, ingin saya menyatakan di sini bahawa, Kementerian Kerja Raya amat mengalu-alukan sokongan tuan-tuan dan puan-puan sekalian kepada pelaksanaan CITP.

18. Dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya dengan suka citanya merasmikan Seminar *Construction Industry Transformation Programme* Negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik walhidayah wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.